

KAMIUS
MELAYU SARAWAK – MELAYU
DEWAN



KAMUS
MELAYU SARAWAK – MELAYU
DEWAN

KAMUS

MELAYU SARAWAK – MELAYU

DEWAN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2023

KK 499-320-0702011-49-3862-40101

Cetakan Pertama 2023

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-49-3862-8

Dicetak oleh
Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.,
No. 143, Jalan KIP 8,
Taman Perindustrian KIP,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

<i>Senarai Penyumbang</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Pendahuluan</i>	xiii
<i>Penghargaan</i>	xxiii
<i>Panduan kepada Pengguna</i>	xxv
<i>Panduan Penggunaan Kamus</i>	xxxi
<i>Kependekan</i>	xxxiii
<i>A – Z</i>	1

SENARAI PENYUMBANG

Sidang Editor

Editor

Dr. Haji Santrol Abdullah
Dr. Syaidul Azam Kamarudin
Hajah Roslin Haji Majidi
Coretta Herliana Kura
Dayang Norazan Kartini Dato Pengiran Haji Zain

Penyusun/Pengumpul

Dr. Zainal Abiddin Masleh
Dr. Fatimah Haji Subet
Dr. Zuraini Seruji

Senarai Penyumbang

Dr. Salbiah Hassan
Abang Seruji Abang Muhi
Haji Awang Salleh Haji Awang Wahap
Dilah Tuah
Diana Datuk Idariis
Sharhaniza Othman
Dahiri Saini
Stephanie Lenya Chaong

Pakar Rujuk

Dr. Mohd. Sharifudin Yusop

Pentadbiran

Fatimah Razali
Zarina Zainal Abidin

KATA PENGANTAR

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi berjaya menerbitkan kamus bahasa sukuan Sarawak. Usaha yang berterusan ini merupakan kesinambungan kepada penerbitan kamus bahasa sukuan yang dilaksanakan sejak dahulu lagi.

Kamus ini memuatkan 8120 entri yang dilengkapi dengan padanan dalam bahasa Melayu Sarawak – bahasa Melayu. Sama seperti kamus yang terdahulu, kosa kata bahasa Melayu yang tersenarai dalam buku ini merupakan kosa kata yang dikumpulkan oleh pegawai daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dengan kerjasama beberapa orang informan yang terdiri daripada penutur jati bahasa berkenaan melalui Projek Pembinaan Manuskrip Kamus Bahasa Sukuan Sarawak – Bahasa Melayu. Saya berharap kamus ini akan memuatkan entri yang lebih banyak setelah mendapat maklum balas pihak luar kerana saya percaya bahawa

Kata Pengantar

masih banyak lagi kosa kata bahasa Melayu yang belum dimasukkan ke dalam kamus ini sebagai entri atau subentri.

Diharapkan dengan terbitnya kamus ini, khazanah pendokumentasian, khususnya yang berkaitan dengan aspek leksikologi dapat ditingkatkan serta mampu memberikan sumbangan ke arah pemeliharaan warisan bahasa sukuan Sarawak, di samping memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Akhir kata, saya berharap agar kamus ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, khususnya para penyelidik dan pengguna dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu di negara kita.

Dr. Hazami Jahari

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

PRAKATA

Dengan sukacitanya saya mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua informan yang terlibat dalam penyediaan manuskrip awal hingga terbitnya kamus dialek ini. Dengan terbitnya kamus dialek ini bukan sahaja bertambahnya sebuah lagi kamus yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi yang lebih penting bertambahnya lagi sumbangan kita untuk membantu pembinaan dan kemajuan bahasa Melayu supaya menjadi bahasa yang diterima oleh pelbagai masyarakat di negara kita.

Entri yang dikumpulkan adalah berdasarkan perkataan yang kerap digunakan oleh kedua-dua penutur bahasa. Penerbitan kamus dialek ini diharapkan dapat membantu menyelesaikan kemusykilan yang timbul oleh kedua-dua pengguna bahasa. Penerbitan kamus dialek ini bukan sahaja menambah khazanah kamus dialek pelbagai bahasa sukuan, malahan memperkaya perbendaharaan kata bahasa

Prakata

Melayu menerusi penyerapan pelbagai bahasa sukuan yang terdiri daripada istilah dan kata umum.

Sekali lagi, saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada para penyusun, sidang editor dan ahli jawatankuasa penyusunan kamus dialek ini sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan kamus dialek ini.

Sekian.

Abang Haliman Haji Abang Julai

Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

PENDAHULUAN

Projek Pengumpulan Kosa Kata Bahasa Sukuan Sarawak ini ialah projek penting dalam program Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Pada peringkat pertama, projek ini melibatkan kegiatan mengumpul kata (rangkai kata) dalam bahasa daerah (bahasa sukuan) yang berkenaan dan memberikan padanannya dengan kata (rangkai kata) dalam bahasa Melayu standard, dan hasilnya dapat dilihat dalam kamus bahasa sukuan – bahasa Melayu ini. Pada peringkat seterusnya, pihak kami berhasrat untuk menerbitkan pula Kamus Melayu Sarawak.

Kaedah pengumpulan entri dalam terbitan ini dilakukan dengan teliti. Pihak kami hanya menyediakan senarai kata bahasa Melayu standard yang dipilih dan informan ditugaskan memberikan padanannya dalam bahasa sukuan. Hanya kata atau rangkaian kata yang mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu Sarawak dipilih dan dijadikan sebagai entri dalam kamus dialek ini.

Pendahuluan

Berpandukan entri yang terdapat dalam kamus dialek ini, pihak kami berhasrat untuk menerbitkan pula Daftar Kata Melayu Sarawak – Melayu Dewan.

Selain mengumpul lebih banyak lagi kata akar dan kata terbitannya, usaha perlu dibuat untuk merakamkan sebutan sesuatu kata itu dan menentukan ejaannya yang tepat. Demikian juga kata-kata khusus tentang kebudayaan masyarakat penutur asli bahasa itu perlu dicari dan ditambah dalam kumpulan kata yang sedia ada. Hal ini merupakan suatu proses kerja yang rumit dan memerlukan keahlian ilmu linguistik. Dalam sebarang kerja penyelidikan dan penyalinan sesuatu bahasa, dan dengan tujuan untuk menurunkannya ke dalam bentuk tulisan, aspek fonetik dan fonologinya perlu dilihat terlebih dahulu. Penguasaan aspek fonetik dan fonologi sesuatu dialek itu membantu pihak kami menurunkan ejaan yang paling hampir dengan sebutan sebenar dialek Melayu Sarawak yang ditulis secara saintifik. Setiap entri dialek Melayu Sarawak dalam kamus ini disertakan dengan simbol fonetik bagi memudahkan pengguna menyebut entri tersebut. Panduan penggunaan simbol fonetik yang disediakan diharap dapat membantu pembaca memahami perbezaan sebutan antara sesuatu entri dengan entri yang lain.

Jika kajian fonetik dan fonologi sesuatu bahasa itu hendak dilakukan, seseorang ahli linguistik itu hendaklah mahir dalam bidang ini, berminat, mempunyai masa dan sumber kewangan yang mencukupi. Jika usaha awal ini berjaya dilakukan dan sejumlah data didokumentasikan, pengkaji pada masa hadapan sudah mempunyai sumber rujukan yang khusus.

Dalam kamus ini dan terbitan lain mungkin wujud beberapa ejaan yang tidak konsisten atau tidak tepat atau tidak saintifik. Pada umumnya, bolehlah dikatakan sistem ejaan bahasa daerah yang dipakai dalam kamus ini merupakan sistem ejaan yang dicadangkan oleh informan sendiri serta penyemakannya dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan yang dibentuk. Kami berharap dalam rangka penyusunan dan penyediaan Kamus Melayu – Melayu Sarawak nanti masalah ejaan

Pendahuluan

dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya dan usaha menentukan bunyi bahasa dapat dilakukan sebelum diterbitkan.

Kamus seperti ini pasti banyak manfaatnya. Hingga kini, selain bahasa Iban, bahasa Melanau Mukah dan bahasa Vaie, masih belum ada usaha dibuat untuk mengumpul kata dalam bahasa kaum bumiputera Sarawak dalam bentuk kamus dialek seperti ini. Bahasa Iban, contohnya ialah bahasa bumiputera yang semakin berkembang di Sarawak, selain hasil persuratannya yang banyak, terutama yang diterbitkan pada zaman Borneo Literature Bureau. Kami berharap kamus yang diusahakan ini akan menjadi antara bahan pendokumentasian penting yang dapat memelihara budaya dan warisan bangsa daripada pupus. Kami berharap melalui usaha ini dialek Melayu terpelihara, dan masyarakat pengguna dan pengkaji dialek Melayu akan memperoleh banyak manfaat. Kami berharap lebih banyak usaha dilakukan untuk mendeskripsikan dialek Melayu dalam pelbagai aspek bagi menambah kajian perbandingan antara bahasa Melayu standard dengan bahasa sukuan, khususnya dan menambah khazanah kajian linguistik Melayu, umumnya. Walau apa-apa pun, antara faedah utama yang dapat dinikmati daripada kejayaan penerbitan kamus dialek ini adalah dari sudut amalinya, yakni kamus dialek ini dapat berperanan sebagai sumber rujukan dalam penciptaan istilah bahasa Melayu.

Prosedur Pengumpulan

Pengumpulan daftar ini mula dilakukan seawal tahun 1990-an dan disimpan dalam bentuk manuskrip. Walaupun berhasrat untuk menerbitkannya dalam bentuk daftar, namun disebabkan oleh beberapa kendala yang dihadapi, pihak kami terpaksa menangguhkan dahulu hasrat itu.

Kerja penyusunan kamus dialek ini bermula dengan menjadikan *Kamus Dewan* sebagai templat atau asas rujukan yang utama untuk memilih perkataan yang sesuai berdasarkan tema seperti anggota tubuh badan, flora dan fauna serta tradisi budaya orang Melayu Sarawak yang mencakupi perihal makanan,

Pendahuluan

minuman, pakaian, adat istiadat, pantang larang, dan cara hidup menerusi kegiatan pertanian, pertukangan, dan sebagainya. Senarai entri dalam *Kamus Dewan* ini hanya dijadikan sebagai panduan. Informan dibenarkan menambah atau menurunkan perkataan yang terdapat dalam dialek Melayu Sarawak dan disesuaikan dengan konteks bahasa Melayu standard. Contohnya, perkataan “buah”. Setelah membuat huraian yang lengkap tentang takrifan kata “buah”, informan boleh menghasilkan kata turunan “buah” seperti “buah mulut”, “buah hati”, dan sebagainya.

Melalui cara ini informan akan dapat mengeluarkan sebanyak mungkin bentuk kata bagi sesuatu kata dasar, di samping bentuk kata terbitannya. Informan yang dilantik untuk mengusahakan senarai kata ini mestilah informan yang dapat memahami bahasa sumber dan bahasa sasarannya. Seseorang yang dipilih sebagai informan hendaklah mengamalkan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa ibundanya atau berkemampuan memahami bahasa tersebut. Informan itu sebaik-baiknya tinggal di kawasan berdekatan dengan kawasan penutur bahasa tersebut dan berkebolehan menulis, membaca dan memahami bahasa Melayu standard dengan baik. Cara penulisan yang dibuat dalam pengumpulan entri adalah seperti yang berikut:

1. Entri dialek Melayu Sarawak ditulis di sebelah kiri muka surat dan padanannya dalam bahasa Melayu yang dikumpulkan ditulis di sebelah kanan muka surat.
2. Entri dalam bahasa Melayu disusun berpandukan entri *Kamus Dewan*. Informan dibenarkan memberikan padanan kepada kata umum dalam bahasa Melayu yang seerti (sinonim) dengan dialek Melayu Sarawak yang dikumpulkan. Bagi sesetengah perkataan, informan dibenarkan memberikan keterangan dalam entri bahasa Melayu, jika tidak ada padanan perkataan yang sesuai dalam dialek Melayu Sarawak.
3. Berdasarkan senarai dialek Melayu Sarawak – bahasa Melayu ini, proses kebalikan (inversi) akan dibuat bagi membantu pengumpulan bahasa sukuan – bahasa Melayu.

Pendahuluan

4. Oleh sebab bahasa yang dikumpulkan itu belum mempunyai sistem sebutannya yang tersendiri, maka ejaan yang digalakkan dalam senarai entri ialah ejaan fonemik dan kaedah ejaan yang digunakan perlulah selaras dengan semua perkataan. Walau bagaimanapun, daftar ini masih belum dapat menunjukkan bentuk sebutan yang panjang, pendek, dan sebagainya. Perkara ini boleh dilakukan sekiranya projek pemugaran semula kamus ini dijadikan sebagai projek jangka masa panjang dengan bantuan kepakaran ahli linguistik bidang fonetik dan fonologi, dan informan dialek Melayu Sarawak.

Hasil Informan

Sebagai sistem saringan yang pertama untuk mensahihkan senarai kata yang dibuat, Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan sistem pelantikan ahli jawatankuasa pengesahan yang terdiri daripada penutur asli bahasa tersebut. Penilai akan menyemak dan mengesahkan hasil yang dibuat oleh informan. Cadangan dan saranan penilai dalam laporan penilaiannya akan diambil kira sebelum penerbitan dibuat. Pengesahan kedua dibuat oleh pegawai projek yang dalam kalangan penutur natif dialek Melayu Sarawak untuk menyemak dan mengesahkan bentuk morfologinya. Pengesahan bentuk morfologinya akan menguatkan lagi penilaian yang pertama.

Sejarah Masyarakat Melayu Sarawak

Kepelbagaian bahasa yang terdapat di Bumi Kenyalang telah membentuk sebuah masyarakat yang multilingualisme. Oleh itu, tidak hairanlah penduduk Sarawak boleh berinteraksi dengan menggunakan lebih daripada satu bahasa seperti bahasa Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Bidayuh, bahasa Melanau, bahasa Kayan, bahasa Kelabit, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain. Daripada sekian banyak bahasa yang wujud di Sarawak,

Pendahuluan

terdapat dua bahasa yang paling dominan dituturkan di negeri ini, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Menurut penelitian yang dijalankan oleh Mohammed Azlan Mis (2011) yang bertajuk "Analisis Pilihan Bahasa sebagai *Lingua Franca* di Sarawak" mendapati pilihan bahasa Iban digunakan dalam situasi tidak formal dan bahasa Melayu Sarawak pula digunakan dalam situasi formal. Kedudukan bahasa Melayu Sarawak (BMS) sebagai bahasa pilihan semasa situasi formal jelas memperlihatkan status BMS sebagai antara bahasa terpenting di Sarawak.

Menurut Asmah (2008) dalam bukunya *Susur Galur Bahasa Melayu*, Sarawak mempunyai banyak bahasa yang sekeluarga dengan bahasa Melayu, dan jumlah penutur bahasa itu semuanya jauh lebih besar daripada jumlah penutur bahasa Melayu. Petempatan-petempatan orang Melayu ini pula terletak di bahagian Kuching, Samarahan, Saribas, Sibuan dan Miri. Hal ini secara tidak langsung membentuk tiga subdialek utama dalam dialek Melayu Sarawak, iaitu subdialek Bahagian Pertama yang berpusat di Kuching, subdialek Saribas yang terdapat di Bahagian Kedua dan subdialek Sibuan. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu Sarawak yang dituturkan di Kuching merupakan antara subdialek Melayu yang dianggap penting, baku atau canggih dalam kalangan penutur BMS. Hal ini demikian disebabkan Kuching merupakan pusat kebudayaan Melayu di Sarawak yang berkembang pesat sebagai pusat pemerintahan dan perniagaan dari dahulu hingga kini.

Selain itu, sejarah Melayu Sarawak yang panjang, khususnya dalam perkembangan budaya dan bangsa banyak dipengaruhi oleh bentuk muka bumi, iaitu sungai dan laut. Menurut Collins (2016), dalam bukunya *Dialek Melayu Sarawak*, Sarawak diairi oleh enam batang sungai yang besar di Sarawak Barat, iaitu Sungai Lundu, Sungai Sarawak, Sungai Samarahan, Sungai Sadong, Batang Lupar dan Batang Saribas. Di sepanjang tebing sungai-sungai ini, terutamanya di bahagian hilir dipenuhi dengan kampung-kampung Melayu. Pembinaan petempatan di sungai-sungai utama jelas membuktikan orang Melayu Sarawak sememangnya menguasai sistem ekonomi berasaskan perdagangan dan perikanan. Hal ini

Pendahuluan

dibuktikan dengan kewujudan golongan nakhoda yang terdiri daripada kumpulan saudagar yang memonopoli perdagangan dan perniagaan (Awang Azman, 2014).

Sanib Said (2013) dalam *Melayu Sarawak Sejarah yang Hilang* menyatakan bahawa sebelum kedatangan Brooke, orang Melayu merupakan pedagang yang terpenting bukan sahaja di sungai-sungai, tetapi juga melepasi seberang laut seperti Singapura, Melaka dan Sumatera. Walau bagaimanapun, selepas Brooke menjadi Rajah Sarawak yang pertama, dasar penempatan semula dan sistem kubu di tiap-tiap sistem sungai utama telah merubah latar sosioekonomi orang Melayu Sarawak. Brooke menggalakkan orang Melayu Sarawak menjadi petani kecil (*sedentary agriculturist*) dan kakitangan pemerintah tingkat rendah. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Brooke turut merubah wajah Melayu Sarawak yang sebelum ini dianggap sebagai pemerintah, peniaga dan ketua peperangan (Robert Pringle, 1970). Meskipun pensejarahan Melayu Sarawak lebih banyak ditulis selepas kedatangan Brooke, namun bukti linguistik menunjukkan bahawa orang Melayu sememangnya berasal dari Pulau Borneo, seperti yang dihuraikan secara tuntas oleh Collins dan Awang Sariyan (2006) dalam *Borneo and the Homeland of the Malays*.

Susur Galur Melayu Sarawak

Menurut Lee Yong Leng (1981) dalam bukunya *Penduduk dan Petempatan di Sarawak*, Kesultanan Brunei yang diterajui oleh Sultan Bolkiah menjadi begitu kuat dan berpengaruh di Borneo pada awal abad ke-15 Masihi. Pada masa pemerintahan beliau, banyak suku kaum lain seperti Melanau, Kedayan dan Dayak turut menganut agama Islam. Mereka bukan sahaja menganut agama Islam, malahan mengamalkan akomodasi, asimilasi dan amalgamasi dari segi sosiobudaya. Ada daripada mereka mengaku sebagai Melayu apabila sudah menganut agama Islam. Islam telah menjadi daya penarik yang kuat dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam kalangan puak asli di kawasan pantai yang sebelumnya

Pendahuluan

berpegang pada kepercayaan tradisional. Pandangan ini turut disokong oleh Harrisson (1970), yang mengatakan bahawa orang Melayu ialah orang Dayak yang masuk Islam. Begitu juga Pringle (2010) dalam *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841 – 1941* yang mengakui bahawa orang Melayu pada asasnya merupakan komponen Islam daripada penduduk asal Borneo. Pengenalan orang Melayu sebagai orang Islam menyebabkan orang bukan Islam melihat Islam ialah orang Melayu hingga setiap kali orang masuk Islam dikatakan masuk Melayu.

Dalam kalangan orang Melayu termasuk di Sarawak, Islam bukan sekadar agama, namun suatu sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu berasaskan prinsip tauhid dan hukum syarak. Oleh sebab itu, banyak adat yang diamalkan sebelum Islam ditinggalkan kerana bertentangan dengan syarak atau dimodifikasi supaya selaras dengan ajaran Islam. Antaranya termasuklah budaya tepung tawar ketika majlis persandingan yang kini digantikan dengan merenjis air bunga mawar dan menabur bunga rampai. Begitu juga dengan adat buang peraja dalam perkahwinan orang Melayu Sarawak, yang kini telah dilarang kerana merupakan perbuatan syirik dan khurafat. Selain itu, kesedaran terhadap amalan beragama dalam kehidupan semakin meningkat dalam kalangan orang Melayu Sarawak. Kini, hampir semua kegiatan keagamaan menjadi acara awam seperti sambutan Awal Muharam, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, dan sebagainya.

Selain kegiatan keagamaan ini, budaya dan adat Melayu Sarawak lain yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam masih diamalkan hingga kini seperti adat cukur jambul, makan doa selamat, adat perkahwinan, adat berkhatan, adat selepas bersalin, dan lain-lain. Kelangsungan adat dan budaya ini penting dalam sesebuah komuniti bagi mengekalkan jati diri dan identiti yang diwarisi dari generasi ke generasi. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa orang Melayu meletakkan adat pada kedudukan kedua terpenting selepas agama mereka, iaitu Islam. Hal ini bertepatan

Pendahuluan

dengan pandangan Prof. Syed Naquib al-Attas yang mengatakan “Islam telah mentamadunkan masyarakat Melayu”. Pandangan ini jelas membuktikan bahawa segala perubahan, penjajaran dan modifikasi yang berlaku terhadap beberapa adat yang diamalkan oleh orang Melayu Sarawak tidak mengubah *Weltanschauung* Melayu di kepulauan ketiga terbesar di dunia ini. Hingga kini, orang Melayu Sarawak masih kekal relevan, maju dan progresif untuk mewarnai citra peradaban bangsa di Bumi Kenyalang.

Dilah Tuah

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

KAMUS MELAYU SARAWAK – MELAYU DEWAN

Kamus Melayu Sarawak - Melayu Dewan ini mengandungi 8120 kata dasar dan 5431 kata terbitan berserta contoh ayat dalam bahasa Melayu Sarawak. Kata dasar bahasa Melayu Sarawak ini dikumpulkan oleh pengkaji dari pelosok negeri Sarawak meliputi bahagian Limbang, Miri, Bintulu, Sibul, Mukah, Sri Aman, Betong, Samarahan, Serian dan Kuching. Kata dasar yang dikumpulkan merangkumi kata yang digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak dalam kegiatan ekonomi dan sosial seperti flora dan fauna, anggota badan, kata sapaan dan gelaran, serta kesenian dan kebudayaan. Kata dasar bahasa Melayu Sarawak ini disusun menurut kerangka penyusunan *Kamus Dewan* dan diberikan padanannya dalam bahasa Melayu standard. Kamus ini juga merakamkan kata dasar atau kata terbitan berdasarkan sebutan fonetik, kelas kata, takrifan, contoh ayat dalam bahasa Melayu Sarawak dan padanannya dalam bahasa Melayu standard. Penerbitan kamus ini bukan sahaja mendokumentasikan dialek Melayu Sarawak, malahan memperkaya bahasa Melayu. Kamus ini diharap dapat dijadikan rujukan oleh pensyarah, guru dan pelajar, serta pengkaji bahasa dan dialek Melayu.

RM85.00

ISBN 978-983-49-3862-8

